e BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Perpustakaan Tun Abdul Razak

ISSN : 2289-9537

# إقرأ IQRA

BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

libraryuitm | libraryuitm | uitmlibrary | library.uitm.edu.my

LIVE@PTAR SEGMEN BICARA PAKAR BERSAMA PENGARAH HOSPITAL UiTM M/S 2

PENJAGAAN KESIHATAN KELUARGA DAN PERKONGSIAN PENGALAMAN PENGENDALIAN KES COVID-19 M/S 4

PROGRAM JOM DERMA DARAH M/S 8

LAWATAN KERJA PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UITM @ PTAR PULAU PINANG M/S 26

PERKHIDMATAN BOOKS TO DOOR SERVICES @ PAB DI PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI, UITM CAWANGAN PAHANG M/S 33

MALAYSIA PRIHATIN



# LAWATAN PENGARAH HOSPITAL UITM KE GALERI PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK 15 JULAI 2020

*Disediakan oleh : Nor Sabariah bt Mansor*














Galeri Pameran Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) telah menerima lawatan daripada Pengarah Hospital UITM, Prof. Dr. Sazzli Shahlan Kasim berserta warga kerja Hospital UiTM Sg Buloh pada 15 Julai 2020 bersempena dengan pameran maya bertajuk Pameran Covid 19: Frontliners Universiti Teknologi MARA yang dianjurkan oleh PTAR dengan kerjasama Hospital UiTM. Turut hadir En Jamalludin Sulaiman, Ketua Jabatan Perkhidmatan Perpustakaan, Perpustakaan Tun Abdul Razak dan En Wan Nasrul Muhaimin Wan Zakaria, dari Bank Islam Malaysia Berhad .

# LIVE@PTAR: BICARA INDUSTRI BERSAMA BANK ISLAM BERHAD, PENGURUSAN KEWANGAN DALAM NORMA BARU 21JULAI 2020

Disediakan oleh : Nor Sabariah bt Mansor

LIVE

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Shah Alam

libraryuitm libraryuitm uitmlibrary Perpustakaan UiTM







*Bank Islam Malaysia Berhad dengan kerjasama Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Shah Alam telah menganjurkan Program Live@PTAR: Bicara Industri Bersama Bank Islam Berhad, Pengurusan Kewangan dalam Norma Baru. Program ini telah dikendalikan oleh Dr. Amirul Afif Muhamat selaku moderator dan panel jemputan Dr. Afzanizam bin Abdul Rashid, Ketua Pakar Ekonomi Bank Islam Malaysia Berhad. Istimewanya program live kali ini, Bank Islam telah menyediakan Cabutan Bertuah bagi penonton yang menonton program ini. Seramai 9 orang warga UiTM telah bertuah dalam cabutan bertuah ini. Tahniah diucapkan.*

# LIVE@PTAR: SESI SEMBANG SANTAI BERSAMA PENGARAH HOSPITAL UITM 15 JULAI 2020

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Shah Alam








*Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), UiTM Shah Alam telah menganjurkan Program Live@PTAR Sesi Sembang Santai bersama Pengarah Hospital UiTM: Perkongsian pengalaman Hospital UiTM mengendalikan Wabak Covid-19. Program ini telah dikendalikan oleh Puan Eza Eliana Abdul Wahid selaku moderator dan panel jemputan Profesor Dr. Sazzli Shahlan Kasim, Pengarah Hospital UiTM.*

# LIVE@PTAR: PANDEMIK COVID-19 DAN TEKNOLOGI GEOSPATIAL: PENDEKATAN INOVATIF DALAM MENANGANI ISU KESIHATAN DAN PENYAKIT DI MALAYSIA

**7JULAI 2020**

*Disediakan oleh : Nor Sabariah bt Mansor*

LIVE

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Shah Alam

librarypitm · librarypitm · uitmlibrary · Perpustakaan UiTM




*Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), UiTM Shah Alam telah menganjurkan Program Live@PTAR: Pandemik Covid-19 dan Teknologi Geospatial: Pendekatan Inovatif dalam menengani isu kesihatan dan penyakit di Malaysia. Program ini telah dikendalikan oleh Puan Nurul Farihah Sarmin Panut, Pustakawan Kanan UiTM Shah Alam selaku moderator dan panel jemputan Sr Dr Abdul Rauf Abdul Rasam, Pensyarah Kanan FSPU, dan Dr Muhammad Haikal Bin Ghazali, Ketua Unit Survelan dan Kesiapsiagaan, Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (Kesihatan Awam).*

# LIVE@PTAR BICARA PAKAR PERUBATAN: PENJAGAAN KESIHATAN KELUARGA DAN PERKONGSIAN PENGALAMAN PENGENDALIAN KES COVID-19

**3 JULAI 2020**

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Shah Alam

LIVE




*Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), UiTM Shah Alam telah menganjurkan Program Live@PTAR Bicara Pakar Perubatan: Penjagaan Kesihatan Keluarga dan Perkongsian Pengalaman Pengendalian Kes Covid-19. Program ini telah dikendalikan oleh Puan Nor Azwani Mohamad, Pustakawan Kanan UiTM Shah Alam selaku moderator dan panel jemputan Dr Suhazeli bin Abdullah, Pakar Perubatan Keluarga, Klinik Kesihatan Tengkawang, Hulu Terengganu, dan En. Amin Zafri bin Abd Rahman, Ketua Penolong Pegawai Perubatan (Kesihatan Awam), Kementerian Kesihatan Malaysia*

## BUAL@IMPAK: JATA NEGARA: PENGHAYATAN SIMBOLISMA DAN SEJARAH 27 JULAI 2020

*Disediakan oleh : Nor Sabariah bt Mansor*

LIVE

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Shah Alam

libraryuitm libraryuitm uitmlibrary Perpustakaan UiTM




*Institut Pemikiran dan Kepimpinan Melayu (IMPAK) dengan kerjasama Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Shah Alam telah menganjurkan Program Bual @ IMPAK: Jata Negara: Penghayatan Simbolisma dan Sejarah. Panel jemputan bagi program ini ialah YBhg. Prof Dr. Ghazali Daimin daripada Fakulti Seni Lukis & Seni Reka UiTM Shah Alam selaku panel pertama serta Dr. Khairuddin Murad, Felo IMPAK selaku panel kedua.*

## LIVE@PTAR: PERKONGSIAN PERANAN PUSTAKAWAN DALAM MEMBERI PERKHIDMATAN SOKONGAN PENYELIDIKAN DAN RUJUKAN KEPADA PENGGUNA PERPUSTAKAAN. SEGMEN: LITERACY TALK WITH LIBRARIAN 24 JULAI 2020

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Shah Alam

LIVE @PTAR




*Untuk melihat semula program, boleh layari Youtube Rasmi UiTM:*

*Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), UiTM Shah Alam telah menganjurkan Program Live@PTAR: Perkongsian peranan Pustakawan dalam memberi perkhidmatan sokongan penyelidikan dan rujukan kepada pengguna perpustakaan, Segmen: literacy talk with librarian. Program ini telah dikendalikan oleh En. Mohd Ismail Abidin, Timbalan Ketua Pustakawan UiTM selaku moderator dan panel jemputan Dr. Hjh Zalifah Binti Awang Zakaria, Timbalan Ketua Pustakawan UiTM, Dr Mohd Faizal Hamzah, Pustakawan Kanan Univeristi Malaya, Ts. Amirul Firdaus Zilah, Pustakawan Kanan, Universiti Malaysia Kelantan, dan En Ikhwan Ismail, Pustakawan Kanan Universiti Sains Malaysia*

# SESI PEMBENTANGAN PERANCANGAN STRATEGIK PERPUSTAKAAN UITM 2020-2025 28 JULAI 2020

*Disediakan oleh : Nor Sabariah bt Mansor*

*PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK*
*Cawangan Shah Alam*







Perpustakaan telah menganjurkan Sesi Pembentangan Perancangan Strategik Perpustakaan UiTM 2020-2025 pada 27 hingga 28 Julai 2020 yang bertempat di ILD Bandar Enstek, Nilai, Negeri Sembilan. Sesi ini telah dihadiri oleh Ketua Jabatan, Ketua Bahagian dan semua Ketua Perpustakaan Cawangan dan Pegawai Perpustakaan di seluruh PUiTM. Objektif bengkel ini ada untuk membentangkan hasil pindaan Petunjuk Prestasi Perancangan Strategik PUiTM. Ts Noor Hidayat Adnan, Ketua Pustakawan telah memberi kata aluan dan hala tuju perancangan strategik Perpustakaan UiTM 2020.



# PEMASANGAN BENDERA SEMPENA BULAN KEMERDEKAAN 28 JULAI 2020

*Disediakan oleh : Mohd Ismail Bin Abidin*

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Shah Alam









Bersempena bulan kemerdekaan ini, Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM, Shah Alam telah membuat persiapan menyambut kedatangan bulan kemerdekaan. Jawatankuasa Program Kemerdekaan telah memasang bendera di sekitar perkarangan perpustakaan. Antara bendera-bendera yang telah dipasang adalah bendera Malaysia, bendera UiTM dan bendera negeri Selangor turut dipasang di perkarangan tersebut.



# PAMERAN MAYA COVID-19: FRONTLINERS UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA 15 JULAI 2020

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Shah Alam

libraryuitm libraryuitm uitmlibrary Perpustakaan UiTM




Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM dengan kerjasama Hospital UiTM telah mengadakan pameran maya bertajuk Frontliners Universiti Teknologi Mara. Antara informasi yang dipamerkan di pameran maya ini adalah sumbangan daripada Hospital UiTM dalam mengekang Wabak Covid-19. Pameran maya ini telah berlangsung sepanjang bulan Julai 2020.

# PROGRAM JOM DERMA DARAH 16 JULAI 2020




Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Shah Alam dengan kerjasama Hospital UiTM dan Pusat Darah Negara telah mengadakan Program Jom Derma Darah pada 16 Julai 2020 bertempat di Hadapan Galeri Perpustakaan Tun Abdul Razak jam 10 pagi hingga 4 petang. Sebanyak 51 warga kerja UiTM yang telah berjaya mendermakan darah dalam program tersebut.




*Untuk melihat semula program, boleh layari Facebook rasmi IMPAK :*

*Institut Pemikiran Dan Keimpinan Melayu (IMPAK) dengan kerjasama Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Shah Alam telah menganjurkan Program Bual@IMPAK: Pakej Penjana dan Survival Melayu pada 16 Julai 2020. Program ini telah dikendalikan oleh Dr. Mohd Rahim Khamis (Ketua Unit Penyelidikan dan Pengurusan Maklumat, IMPAK) selaku moderator dan Panel Jemputan YBhg. Dato' Dr. Hasan Mad, Setiausaha Agung Majlis Perundangan Melayu (MPM).*



# LAWATAN PUSAT KESELAMATAN, KESIHATAN PEKERJAAN DAN KESEJAHTERAAN (COSHaW) UiTM 23 JULAI 2020

*Disediakan oleh : Nur Fatihah binti Muhamad*









*23 Julai 2020 (Khamis) - Pusat Keselamatan, Kesihatan Pekerjaan dan Kesejahteraan (COSHaW) UiTM Cawangan Selangor telah mengadakan lawatan pemantauan COVID-19 di Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Kampus Puncak Alam. PTAR Puncak Alam amat berbesar hati menerima lawatan ini yang diketuai oleh empat (4) orang yang merupakan Pengurusan Tertinggi COSHaW UiTM. Kehadiran pihak COSHaW ini telah disambut baik oleh Encik Mohamad Hamidi bin Mohd Jais selaku Ketua Timbalan Pustakawan di PTAR Kampus Puncak Alam, Puan Nurul Diana binti Jasni iaitu Timbalan Ketua Pustakawan dan Puan Siti Fazlina binti Mohd Raffi iaitu Pustakawan Kanan. Disamping lawatan tapak, satu mesyuarat telah diadakan bagi membentangkan aktiviti SOSHCo PTAR yang telah dilaksanakan sepanjang Tahun 2020. Lawatan ini bermula pada pukul 2.30 petang dan berakhir pada jam 4.30 petang. Susulan lawatan tersebut, pihak PTAR telah menyediakan Senarai Semak Kawalan Pencegahan COVID-19 Majikan di Tempat Kerja dan diserahkan kepada pihak COSHaW UiTM. Segala input tambah baik serta maklumbalas pihak COSHaW sepanjang sesi lawatan ini diharapkan dapat mengawal serta memutuskan rantaian penyebaran Covid-19.*

# MOBILE LIBRARY@PTDI WE BRINGS BOOKS TO YOU 8 & 15 JULAI 2020



Pejabat Bendahari









Pejabat Hal Ehwal Akademik



Mobile Library@PTDI, merupakan program yang dilaksanakan untuk mendekati pengguna. Program kali ini, PTDI mengunjungi Pejabat Bendahari pada 8 Julai jam 2.30 petang dan Pejabat Hal Ehwal Akademik pada 15 Julai jam 3.00 petang. PTDI membawa buku-buku baru dan buku-buku bestseller sebagai promosi kepada staf di unit tersebut. Selain daripada mempromosikan buku-buku yang dibawa, PTDI turut membuat tinjauan mengenai bahan bacaan yang diminati oleh ke dua unit tersebut. Program ini akan berjalan dari masa ke semasa mengikut permintaan unit dan fakulti.

# MY READING ADVENTURES PG 23 JULAI 2020










My Reading Adventures PG merupakan satu program perkongsian bahan bacaan yang telah dibaca oleh staf PTDI. Perkongsian ini dilaksanakan di platform Google Meet. Panel pertama iaitu Puan Nurrul Iza Ibrahim membawakan buku yang bertajuk '77 Resepi Istimewa Air Fryer'. Selain berkongsi mengenai buku tersebut, Puan Nurrul Iza juga berkongsi tips masakan menggunakan air fryer serta peralatan tambahan yang turut membantu dalam menggunakan air fryer. Manakala panel ke dua, Puan Noor Syafiqah Mohd Ali pula berkongsi buku yang bertajuk 'Kompilasi Anggun Bertudung'. Panel ini juga berkongsi mengenai tudung yang sesuai mengikut bentuk muka seseorang disamping beberapa jenama tudung yang terkenal di Malaysia. Panel ke tiga pula, Encik Mohd Sharir Mohd Shaini berkongsi buku yang membuatkan dirinya berfikir untuk menjadi pemikir dan memahami pemikiran penulis iaitu buku yang bertajuk 'Apa itu Pencerahan'. Buku ini boleh dipinjam di PTDI Kampus Pasir Gudang. Perkongsian ini diharap dapat menarik minat staf untuk turut membaca buku yang sama yang diberikan oleh panel.

# LAWATAN KERJA KE ARKIB NEGARA MALAYSIA (NEGERI JOHOR) 19 JULAI 2020

Disediakan oleh : Siti Rozana binti Mat









Pihak Pengurusan Perpustakaan Tun Dr. Ismail (PTDI) yang diketuai oleh Puan Hajah Nor Asiha binti Alias telah berkunjung ke Arkib Negara Malaysia Negeri Johor pada 19 Julai 2020. Sesi ini diadakan untuk mendapatkan khidmat nasihat dengan mengadakan hubungan kerjasama antara PTDI dan Arkib Negara Malaysia Begeri johor.

Pihak PTDI merakamkan setinggi penghargaan kepada Pengarah Arkib Negara Malaysia Negeri Johor En. Mohd Zulfadli bin Md Maarof serta Timbalan Pengarah Puan Norzie binti Mohd Jani diatas kerjasama dan layanan sepanjang sesi lawatan tersebut. Semoga usahasama ini akan berterusan dalam membangunkan Unit Arkib Cawangan UiTM Cawangan Johor.

# LAWATAN PENOLONG NAIB CANSELOR MASMED 20 JULAI 2020







Sekitar sesi lawatan kerja Penolong Naib Canselor MASMED,
Profesor Dr. Syed Jamal Abdul Nasir Syed Mohamad
pada 20 Julai 2020, di CIMB Trading Room, UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat.

# Sesi Perkongsian Ilmu Perkhidmatan Perpustakaan 10, 16 dan 24 Julai 2020

*Disediakan oleh : Hazlin Ibrahim Khan*

*PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK*
*Cawangan Melaka*








PTAR UiTM Cawangan Melaka telah menjalankan Sesi Perkongsian Ilmu Perkhidmatan Perpustakaan PTAR UiTM Cawangan Melaka pada 10 dan 16 Julai 2020 melalui platform Google Meet.

Sesi perbincangan yang melibatkan staf perpustakaan dari tiga kampus iaitu Kampus Alor Gajah, Kampus Bandaraya Melaka dan Kampus Jasin ini telah dilaksanakan sebanyak 2 siri sepanjang Julai 2020.

Sesi perkongsian dimulakan dengan topik Mendeley & Open Access oleh Cik Hazlin Ibrahim Khan pada 10 Julai 2020 seterusnya topik New Arrival oleh En. Muhammad Shafiq Snin pada 16 Julai 2020.

# Program Library Outreach PTAR UiTM Cawangan Melaka 10, 16 dan 24 Julai 2020






PTAR UiTM Cawangan Melaka telah menjalankan Program Library Outreach dengan fokus utama kepada Pengurusan Rekod Universiti. Sebanyak 2 sesi telah dijalankan pada 15 Julai 2020 yang melibatkan Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) serta Bahagian Hal Ehwal Akademik (HEA), UiTM Kampus Bandaraya Melaka. Penerangan secara terus atau bersemuka berkaitan Pengurusan Rekod dan Arkib, Pelantikan Pengurus Rekod, Konsultasi Pelupusan Rekod dan diakhiri dengan lawatan ke lokasi rekod disimpan telah dijalankan oleh Cik Ilya Nur Fateen Othman, Pustakawan, Unit Arkib PTAR UiTM Cawangan Melaka.

# Program Library Outreach PTAR UiTM Cawangan Melaka
## 23 Julai 2020

*Disediakan oleh : Hazlin Ibrahim Khan*

*PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK*
*Cawangan Melaka*








PTAR UiTM Cawangan Melaka telah menjalankan Program Library Outreach dengan fokus utama kepada Pengurusan Rekod Universiti. Sebanyak 3 sesi telah dijalankan pada 23 Julai 2020 yang melibatkan Bahagian Hal Ehwal Akademik (HEA) Fakulti Perladangan dan Agroteknologi, Bahagian Hal Ehwal Akademik (HEA) serta Unit Hal Ehwal Islam, UiTM Cawangan Melaka, Kampus Jasin. Penerangan secara terus atau bersemuka berkaitan Pengurusan Rekod dan Arkib, Pelantikan Pengurus Rekod, Konsultasi Pelupusan Rekod dan diakhiri dengan lawatan ke lokasi rekod disimpan telah dijalankan oleh Cik Ilya Nur Fateen Othman, Pustakawan, Unit Arkib PTAR UiTM Cawangan Melaka.

# LAWATAN DARI PIHAK ARKIB NEGARA MALAYSIA NEGERI MELAKA
## 29 Julai 2020

*Disediakan oleh : Ilya Nur Fateen Othman*








Unit Arkib, Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah telah menerima lawatan dari pihak Arkib Negara Malaysia Negeri Melaka bagi melihat buku dan majalah yang hendak dipindahkan ke Arkib Negara Malaysia. Setelah melihat buku dan majalah tersebut, Encik Namsivayam Martin telah di bawa ke Unit Arkib UiTM Cawangan Melaka bagi melihat sekitar dalaman Unit Arkib bagi memastikan segala persediaan dalaman di Unit Arkib sesuai untuk dijadikan lokasi penyimpanan rekod penting Universiti. Lawatan tersebut telah berlangsung selama 1 jam dan diketuai oleh Cik Ilya Nur Fateen Othman bersama staf perpustakaan yang lain.

# GERAK KERJA PROSES PENGASINGAN BUKU DAN MAJALAH YANG HENDAK DILUPUSKAN DAN DIPINDAHKAN KE ARKIB NEGARA MALAYSIA NEGERI MELAKA
## 20-24 Julai 2020



Disediakan oleh : Ilya Nur Fateen Othman
PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Melaka






Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah telah melaksanakan gerak kerja bagi mengasingkan buku dan majalah yang hendak dilupuskan dan dipindahkan ke Arkib Negara Malaysia Negeri Melaka. Sebanyak 5226 naskah buku yang telah dihantar untuk permohonan pelupusan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 138 naskah buku telah dipilih untuk dipindahkan ke Arkib Negara Malaysia dan selebihnya akan dilupuskan menggunakan kaedah yang telah disenaraikan oleh pihak Arkib. Selain itu, pihak perpustakaan juga telah membuat permohonan sebanyak 562 naskah majalah. Daripada jumlah tersebut sebanyak 67 naskah telah dipilih oleh pihak Arkib untuk dipindahkan ke Arkib Negara Malaysia Negeri Melaka. Proses pengasingan buku dan majalah ini telah berjalan selama seminggu dan telah di ketuai oleh Puan Shahida Talip bagi proses pengasingan buku dan Puan Rosila Nordin bagi proses pengasingan majalah. Buku dan Majalah yang telah diasingkan akan dilihat oleh pihak Arkib bagi memastikan buku dan majalah tersebut boleh dijadikan bahan rujukan dan rekod penting di Arkib Negara Malaysia Negeri Melaka.

# KONSULTASI PENGURUSAN REKOD UNIVERSITI
## 22 Julai 2020





Unit Arkib, Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah telah menjalankan konsultasi Pengurusan Rekod Universiti: Pelupusan Rekod di Jabatan Perancangan & Pembangunan Perpustakaan, PTAR UiTM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah. Konsultasi ini dijalankan bagi menerangkan proses pelupusan fail di jabatan tersebut dengan memberi penerangan tentang jadual pelupusan rekod, tempoh simpanan fail di jabatan, kaedah dan cara pelupusan rekod. Sebanyak 44 fail telah di mohon oleh jabatan tersebut bagi permohonan pelupusan fail. Konsultasi ini dijalankan selama 1 jam yang telah di terangkan oleh Cik Ilya Nur Fateen Othman.

Disediakan oleh : Maznah Maarof
PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Melaka










Pemeran maya yang bertajuk Potensi Industri Agroteknologi di perkenalan bagi mempamerkan atau menghebahkan aktiviti pameran Norma Baharu dalam musim Covid-19 ini.

Pameran yang di jalankan bermula bulan Julai ini bagi tujuan memberi pendedahan terhadap sektor pertanian Malaysia yang memerlukan perubahan struktur pada skala besar-besaran yang dipacu menerusi Revolusi Pertanian Pintar atau smart farming untuk menyuburkan kembali bidang ini.

Revolusi Pertanian Pintar merujuk kepada penggunaan dan pengintegrasian teknologi terkini dengan lebih meluas dalam bidang pertanian, dengan tujuan meningkatkan kuantiti dan kualiti hasil tuaian tanaman domestik.

Hasil pameran maya ini, sebanyak 354 hits yang telah membuka link pameran ini.

# Pameran Maya : Tips for Parents and Caregivers : Keeping Children Safe Online During The Covid-19 Pandemic

## 1 - 31 Julai 2020

Disediakan oleh : Siti Haidah Md.Aziz

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Melaka




COVID-19 is a nightmare for humans. This pandemic has affected all aspects of our lives. This is a catastrophe for human life with the closure of schools and many restrictions imposed, various strata of society spend their time at home. In the new norm most of the time is spent online, often longer than usual. Ongoing online activities have provided valuable opportunities to learn, play and socialize with peers, access information and to get support services. Therefore, it is not surprising that children and young people who spend a lot of time through online activities are exposed to the following risks:

* Online sexual abuse
* Cyber bullying

In fact, through this epidemic, the positive effect that can be identified is that we can find out how children remain safe in cyberspace without interference from external elements. Specific attention from parents and guardians regardless of the technical skills available to make monitoring will help children master the era of the digital and virtual world constructively.

Feel free to acess our Exhibition Online:
https://melaka.library.uitm.edu.my/virtual-exhibition/195-tips-for-parents-and-caregivers
Or Scan QR Code

# Lawatan Kerja Koordinator MakerLab UiTM Puncak Alam Ke Perpustakaan Tun Abdul Razak Aras 12, UiTM Cawangan Melaka, Kampus Bandaraya

## 13 Julai 2020






Bandaraya Melaka : Pada 13 Julai 2020, Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya telah menerima kunjungan daripada Koordinator MakerLab UiTM Puncak Alam. Beliau telah dibawa melawat persekitaran PTAR dan sedikit penerangan ringkas mengenai perpustakaan telah diberikan termasuk projek CSR perpustakaan iaitu 'Little Free Library'. Kunjungan ini secara tidak langsung berkaitrapat dengan penubuhan Makerspace@KBM yang dicadangkan untuk tujuan memupuk dan konsep keusahawanan dikalangan pengguna perpustakaan. Sesi perbincangan secara tertutup turut diadakan bersama Penolong Rektor UiTM Kampus Bandaraya.

# BOOK DROP 2U@PTAR UiTM CAWANGAN MELAKA 15 – 20 JUN 2020



*Disediakan oleh : Maznah Maarof*

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Melaka







Staf PTAR UiTM Cawangan Melaka, Kampus Jasin turut serta membantu dalam misi operasi menguruskan pelajar yang masuk ke kampus untuk mengambil barang di kolej kediaman masing-masing. Dalam mematuhi SOP yang telah di tetapkan, dimana hanya 40 minit masa di beri untuk mengemas barang di bilik masing-masing dan kemudian, pelajar di kehendaki keluar terus dari kampus, Perpustakaan mengambil inisiatif dengan menyediakan Book Drop 2U@PTAR UiTM Cawangan Melaka, Kampus Jasin bagi memudahkan pelajar-pelajar yang ingin pulangkan buku yang telah di pinjam. Operasi ini bermula dari 15 Jun hingga 20 Jun 2020 dengan kemasukan pelajar ke kampus mengikut penggiliran negeri.



# READ & RELAX@PTAR TAPAH
# BUKU BILANGAN 3

*PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK*
*UiTM Cawangan Perak Kampus Tapah*




Tajuk : Dakwah Biar Santai Tapi Sampai
Penulis : Prof Madya Dr. Mohd Nor Mamat

"Untuk mengubah satu dunia, ia mestilah bermula dengan mengubah diri kita. Untuk berdakwah kepada orang lain, mulakan dengan berdakwah terhadap diri sendiri terlebih dahulu." -Prof Madya Dr. Mohd Nor Mamat. Dakwah Biar Santai Tapi Sampai membawa mesej betapa seruan itu sangat mementingkan matlamat amar ma'ruf nahi mungkar agar tercapai. Namun, turut menitikberatkan kaedah yang efektif mengikut kesesuaian mad'uw (sasaran). Biarlah dakwah kita santai metodologinya, tetapi mesti sampai objektifnya.

# READ & RELAX@PTAR TAPAH
# BUKU BILANGAN 4




Tajuk : Akidah Dan Pemikiran Islam: Isu Dan Cabaran
Penulis : Mohd Farid Mohd Shahran

Buku Akidah dan Pemikiran Islam: Isu dan Cabaran – merupakan penambahbaikan daripada buku asal yang bertajuk Isu-Isu Dalam Pemikiran Islam yang diterbitkan pada tahun 2008. Perbahasan dalam buku baharu ini meliputi tiga tema utama, iaitu akidah dan akhlak, akal dan logik dan intelektualisme semua aspek dalam pemikiran Islam, diharapkan agar isu-isu yang diketengahkan dapat membuka ruang dan peluang kepada pembacaan lanjut mengenai isu-isu ini."…mereka yang tidak berakal, menurut Al-Quran, bukan sahaja merujuk kepada mereka yang mempunyai kurang daya penaklukan, tetapi juga merujuk kepada mereka yang menyalahgunakan pengetahuan mereka dengan melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan ajaran Allah seperti cuba menipu Tuhan dengan menghalalkan apa-apa yang diharamkan Allah….". Hujah-hujah Al-Quran sendiri yang dipersembahkan dalam gaya Bahasa akliah. Misalnya, Allah memurkai golongan-golongan yang tidak selaras antara perlakuan dengan perkataan mereka, di samping menggesa musuh-musuh Islam mengemukakan hujah-hujah mereka sekiranya mereka berada di pihak yang benar.

NO SIRI : P000006PTARTPH

# READ & RELAX@PTAR TAPAH
# BUKU BILANGAN 1

*Disediakan Oleh : Nur Dayana Bt Mohd Narwawi*

*PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK*
*UiTM Cawangan Perak Kampus Tapah*




Tajuk : Perangai Bergantung Pada Diri Sendiri :Edisi Khas
Penulis :Za'ba (Pengenalan oleh : Asmah Haji Omar)

Hasil karya Za'ba ini menyimpulkan kelemahan sahsiah adalah punca utama kelemahan sesuatu bangsa. Menurut Za'ba kemunduran orang Melayu disebabkan sebahagian besarnya kerana mereka tidak percaya pada kebolehan diri sendiri, lemah cita-cita, kurang hemah dan terlalu menggantungkan diri dan harapan kepada orang lain. Orang Melayu lebih cenderung meminta bantuan dan pertolongan orang lain. Apa lagi agaknya yang kurang dengan orang Melayu? Buku ini menyenaraikan kelemahan-kelemahan yang perlu diperbaiki, sekaligus sebagai penunjuk arah kepada muhasabah diri dan bangsa, agar tidak terus alpa dan ditinggalkan bangsa-bangsa lain. "Kekayaan saudagar pundi-pundi emasnya. Kekayaan Pendeta kepingt-keping kertasnya. - Za'ba.

# READ & RELAX@PTAR TAPAH
# BUKU BILANGAN 2




Tajuk : Mengapa Rasulullah Tidak Pernah Sakit.
Penulis : Dr. Adi Hashman

Mengapa Rasulullah Tidak Pernah Sakit membincangkan perihal rahsia gaya hidup sihat Islami yang diamalkan oleh Rasulullah sepanjang kehidupan. Buku ini juga membicarakan secara terperinci, komponen pemeliharaan dan pemuliharaan kesihatan tubuh badan melalui pemakanan yang sihat, penjagaan rohani yang berkesan dan amalan-amalan yang dianjurkan oleh Islam melalui Quran dan hadis Rasulullah. Setiap individu mampu mempraktikkan panduan dan kaedah ini dengan mudah. Membongkar rahsia dan formula kesihatan Rasulullah yang halal, mudah, luar biasa dan holistik.Tentu anda ingin tahu, formula penjagaan kesihatan fizikal, mental dan emosi yang diajarkan oleh Rasulullah, teknik menjaga kebersihan yang terbaik serta dapat membantu meningkatkan daya tahan tubuh, tip-tip sihat yang mudah dan murah mengikut sunah Rasulullah, kriteria makanan sihat serta bermanfaat mengikut Quran dan sunah Rasulullah, kesan berpuasa pada kesihatan tubuh manusia, rahsia kesihatan di sebalik gerakan dalam solat. "Kesihatan adalah nikmat yang tersembunyi, bagaikan mahkota di atas kepala orang yang sihat dan hanya dapat dilihat oleh orang yang sakit".

NO SIRI : P000006PTARTPH




Di atas sambutan yang menggalakkan, Perpustakaan Tun Abdul Razak,UiTM Cawangan Perak Kampus Tapah telah menganjurkan sekali lagi program ulasan buku dan perkongsian mengenai stress,anxiety & burn out. Siri 2 telah dianjurkan pada 23 Julai 2020 (Khamis) pada jam 10.00 pagi hingga 11.00 pagi menerusi platform Facebook Live dan Youtube. Menampilkan panel-panel yang sama seperti Ustaz Mohd Rizal Hanafi (Pembantu Hal Ehwal Islam), Dr. Norhidayu Kamisan (Pegawai Perubatan) dan Puan Izuani Ismail (Pegawai Psikologi) di samping Pustakawan Kanan PTAR UiTM Cawangan Perak Kampus Tapah sebagai moderator, Puan Nur Aida Rousli, perkongsian kali ini lebih memberi tumpuan kepada soalan-soalan yang telah dikemukakan sebelum ini oleh penonton. Di samping itu, perkongsian buku mengenai tajuk ini juga turut dibincangkan oleh para panel. Kupasan tajuk stress, anxiety & burn out ini banyak memberi pengetahuan kepada semua mengenai cara-cara menangani tekanan dan masalah mental dari sudut perubatan, kerohanian dan psikologi.



# OPEN MIC BERSAMA HAJIBEE : SAINTIS KARTUNIS
## 28 JULAI 2020

*Disediakan oleh : Rafidah Muhamad Sam*






Bertempat di He & She Coffee, UiTM Cawangan Pulau Pinang, telah berlangsung program sembang santai Open Mic Bersama Hajibee : Saintis Kartunis. Program yang disertai oleh seramai 25 orang peserta daripada pelbagai bahagian UiTMCPP ini juga disiarkan secara langsung melalui Facebook PTAR Kampus Permatang Pauh.

Haji Bahman Jamaluddin atau lebih dikenali dengan nama pena Hajibee di media sosial merupakan pensyarah kanan di Fakulti Sains Kesihatan, UiTM Kampus Bertam merupakan kartunis Senyum Kampus UiTM yang tidak asing lagi. Beliau yang berminat dengan melukis sejak kecil lagi telah menggunakan platform sebagai pensyarah dan pakar fisioterapi untuk mengetengahkan bakat melukisnya dengan menulis buku dan terlibat dalam penerbitan seperti Negaraku, Alah Bisa Tegal Biasa, Senyum Kampus dan Fisioterapis Malaysia sebagai kartunis. Beliau juga menulis bersama buku bertajuk Kilo Vs Kalori yang merupakan koleksi pengalaman beberapa orang peserta yang terlibat dalam program melawan obesiti.

Bergerak aktif dalam melukis sejak 1998, anda boleh melihat hasil-hasil karya beliau melalui Facebook beliau di Hajibee. Peserta program berasa amat bertuah kerana dapat mendengar Hajibee berkongsi pengalaman sepanjang beliau bergelar kartunis, menceduk tips-tips berguna tentang lukisan kartun di samping mengenali lebih dekat perwatakan beliau yang sangat santai dan mesra.










# LAWATAN PENSYARAH BARU KE PTAR KAMPUS PERMATANG PAUH 2 JULAI 2020

Disediakan oleh : Rafidah Muhamad Sam



Pada 2 Julai 2020, PTAR Kampus Permatang Pauh telah menerima kunjungan daripada 3 orang pensyarah Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan serta Penolong Pendaftar Bahagian Hal Ehwal Akademik yang baharu.

Mereka telah dibawa melawat sekitar PTAR dan diberikan taklimat ringkas tentang kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan di PTAR. PTAR Kampus Permatang Pauh mengucapkan selamat datang dan selamat menjalankan tugas di UiTMCPP kepada Cik Nur Syahira Bibit, Encik Mas Affandy Mashuri, Cik Nur Farihin Abdul Rahman dan Encik Tuan Ahmad Syahmi Tuan Mohd Rosli.

PTAR berharap semoga semua pensyarah baru ini akan menggunakan kemudahan dan perkhidmatan yang ada untuk pengajaran dan pembelajaran pelajar-pelajar mereka.





# TAKLIMAT PROSEDUR KERJA PENGURUSAN PELANGGAN KAKITANGAN PTAR KAMPUS PERMATANG PAUH 10 JULAI 2020

Untuk meningkatkan mutu kerja kakitangan di kaunter, satu Taklimat Prosedur Kerja Pengurusan Pelanggan kepada kakitangan PTAR Kampus Permatang Pauh yang bertugas di Kaunter Pinjaman dan Pemulangan telah diadakan pada 10 Julai 2020. Antara objektif penting taklimat ini diadakan adalah untuk memantapkan pengetahuan berkaitan prosedur kerja di kaunter pengurusan pelanggan dan memberi tunjuk ajar dalam urusan pengurusan operasi perkhidmatan perpustakaan.

Taklimat ini telah disampaikan oleh Pembantu Pustakawan Kanan Unit Perkhidmatan Pelanggan, Encik Syarifulanuar Mat Isa dan dibantu oleh kakitangan yang bertugas di Kaunter Peminjaman dan Pemulangan. Dengan adanya taklimat ini diharap kakitangan yang akan bertugas di kaunter akan lebih peka dengan prosedur yang digunakan untuk menambah kecekapan kerja.







# NEW ARRIVALS @ PTAR
# KAMPUS PERMATANG PAUH
# JULAI 2020

*Disediakan oleh : Rafidah Muhamad Sam*



Berikut adalah buku-buku New Arrivals yang sudah boleh dipinjam dan dirujuk oleh pengguna-pengguna PTAR Kampus Permatang Pauh. Sebarang pertanyaan, sila hubungi pegawai bertugas di Kaunter Peminjaman dan Pemulangan atau hubungi kami di talian 04-382 3262.




# JOM PINJAM BUKU @PTAR
# KAMPUS PERMATANG PAUH
# 20 JULAI 2020

PTAR Kampus Permatang Pauh telah mengadakan aktiviti Jom Pinjam Buku@PTAR bermula 20 Julai 2020 untuk menggalakkan pinjaman buku di kalangan pengguna perpustakaan sepanjang PKPP berlangsung. Setiap peminjam dikehendaki membuat pinjaman sekurang-kurangnya 2 buah buku untuk melayakkan mereka memenangi hadiah menarik yang disediakan.

Setakat tulisan ini ditulis, sambutan di kalangan kakitangan akademik dan pelaksana amatlah menggalakkan. Berikut merupakan sorotan aktiviti tersebut melalui gambar-gambar yang telah diambil sepanjang minggu.



# SESI PERJUMPAAN KAKITANGAN PTAR UiTMCPP BERSAMA REKTOR UiTM CAWANGAN PULAU PINANG 20 JULAI 2020

Pada 20 Julai 2020, telah berlangsung sesi perjumpaan bersama rektor, Profesor Dr Salmiah Kasolang@Kasalung bersama kakitangan PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang yang diadakan di Bilik Mesyuarat Polis Bantuan di Bangunan Laman Perdana, UiTM Cawangan Pulau Pinang. Majlis dihadiri oleh 24 orang kakitangan PTAR UiTMCPP daripada Kampus Permatang Pauh dan Kampus Bertam.



Di dalam pertemuan ini, Prof Rektor berkenalan dengan semua kakitangan PTAR yang hadir dan berkongsi cadangan dan amanat untuk meningkatkan mutu kerja masing-masing. Selain itu, Timbalan Ketua Pustakawan, Puan Hayati Mokhtaram juga telah membentangkan laporan perjalanan PTAR UiTMCPP kepada Prof. Rektor supaya beliau mendapat gambaran yang lebih jelas tentang tatacara kerja dan hala tuju PTAR untuk mencapai visi, misi dan objektifnya.



Pertemuan ini dijalankan di dalam situasi yang ceria dan amat positif daripada kedua-dua belah pihak. Prof. Rektor memberikan banyak nasihat dan cadangan penambahbaikan yang akan dilaksanakan oleh pihak PTAR UiTMCPP dalam masa terdekat. "Utilize library and find ways how to make others remember you"



# LAWATAN KERJA PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UITM 24 JULAI 2020

*Disediakan oleh : Rafidah Muhamad Sam*

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Pulau Pinang

Pada 24 Julai 2020, Dato' Sri Haji Syed Zainal Abidin Syed Mohamed Tahir telah singgah melawat PTAR Kampus Permatang Pauh sempena lawatan kerja ke UiTM Cawangan Pulau Pinang, Pengerusi Lembaga Pengarah UiTM. Dalam sesi lawatan kerja ke UiTM Cawangan Pulau Pinang ini, beliau telah dibawa melawat beberapa tempat seperti Bilik Hotel UiTMCPP yang baru diubahsuai, makmal barista, dapur hotel, tapak Projek Nurseri UiTMCPP dan melawat "Greenation Project" di PTAR Kampus Permatang Pauh.



Dato'Sri berkesempatan untuk menanam sebatang pokok "bucida" di hadapan pekarangan PTAR Kampus Permatang Pauh sebagai simbolik rasminya projek tersebut. Dato' Sri juga sudi singgah sebentar ke perpustakaan untuk melihat projek Greenation ini yang telah diperluaskan sehingga ke ruang dalaman PTAR. Dalam sesi lawatan ini, Dato' Sri mencadangkan program bersama komuniti diadakan di dalam perpustakaan dan menggunapakai kemudahan yang ada. Lawatan singkat ini diakhiri dengan Dato' Sri menandatangani buku pelawat PTAR Kampus Permatang Pauh sebelum ke lawatan seterusnya.



# LAWATAN OLEH TENAGA PENGAJAR KOLEJ VOKASIONAL KE PTAR KAMPUS PERMATANG PAUH 24 JULAI 2020

PTAR Kampus Permatang Pauh telah menerima kunjungan pelawat daripada 3 Kolej Vokasional iaitu Kolej Vokasional Butterworth, Kolej Vokasional Batu Lanchang dan Kolej Vokasional Nibong Tebal. Lawatan ini adalah sebahagian daripada tentatif dalam Program Mesyuarat Khas Lantikan TAC serta perbincangan program jalinan kerjasama Fakulti Pengurusan dan Perniagaan bersama ketiga-tiga Kolej Vokasional tersebut. Lawatan ini disertai oleh seramai 11 orang tenaga pengajar Kolej Vokasional tersebut dan 2 orang wakil Fakulti Pengurusan dan Perniagaan UiTM Cawangan Pulau Pinang. Kehadiran mereka disambut oleh Cik Nor Azilawati Mohd Azmi, Pustakawan Kanan Unit Perkhidmatan Pelanggan bersama kakitangan Unit Perkhidmatan Pelanggan dan Unit Penyelidikan Pembelajaran dan Rujukan.

Pelawat kemudian diberikan taklimat ringkas berkenaan PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang termasuklah tentang kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan. Mereka juga dibawa melawat sekitar perpustakaan sebelum berangkat pulang. Dalam taklimat ringkas ini juga, PTAR UiTMCPP juga mengalu-alukan kedatangan tenaga pengajar bersama pelajar-pelajar ke PTAR UiTMCPP untuk program yang bersesuaian di










No. Siri: 312688 PEMBAHARUAN

PERAKUAN BOMBA
*FIRE CERTIFICATE*

AKTA PERKHIDMATAN BOMBA 1988
*FIRE SERVICE ACT 1988*

PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN BOMBA (PERAKUAN BOMBA) 2001
*FIRE SERVICES (FIRE CERTIFICATE) REGULATIONS 2001*

BORANG II
*FORM II*

[Subperaturan 3(1)]
*[Subregulation 3(1)]*

No : JBPM:KD/1/12/2015

Diperakui bahawa premis ini
*This is certify that these premises*

PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH
Universiti Teknologi Mara (UiTM)
Cawangan Kedah, 08400 Merbok
Kedah Darul Aman

telah mematuhi kehendak kemudahan keselamatan diri, pencegahan kebakaran, perlindungan kebakaran dan memerangi kebakaran di bawah Akta Perkhidmatan Bomba 1988
*have complied with the life safety, fire prevention, fire protection and fire fighting requirements of the Fire Services Act 1988*

Perakuan ini sah
*The certificate is valid*

Dari *From* 20 APRIL 2020 hingga *to* 19 APRIL 2021

dengan syarat bahawa kemudahan itu kekal dalam keadaan baik pada setiap masa.
*on condition that these facilities remain in good order at all times.*

b/p Ketua Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

Tarikh : *Date :* 09 JUL 2020









Pada 1 Julai 2020, Audit premis Bangunan Perpustakaan Sultan Badlishah oleh Jabatan Bomba dijalankan bagi memastikan perpustakan mengikut serta mencapai tahap keselamatan dari segi penjagaan dan pemantauan penyenggaraan peralatan bomba. Seterusnya setelah audit dijalankan, Perpustakaan Sultan Badlishah telah Berjaya memperolehi Sijil Perakuan Bomba.







Pada 1 hingga 23 Julai 2020, proses pelupusan bahan telah dijalankan. Ini adalah bertujuan bagi melupuskan bahan yang rosak serta terdapat lebihan naskah dalam koleksi perpustakaan. Proses ini dilaksanakan setelah semakan pemilikan bahan dilaksanakan melalui sistem WILS. Bahan-bahan ini akan dilupus dengan kaedah sumbangan kepada beberapa organisasi. Koleksi yang terlibat adaah berjumlah 457 judul iaitu 1254 naskah yang meliputi pelbagai subjek .

# TAKLIMAT PENGENALAN EKSA PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH 23 JULAI 2020

*Disediakan oleh : Noor Azlin Abdullah*

*PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH*
*Cawangan Kedah*









Pada 23 Julai 2020, Jawatankuasa Latihan QE/5S Perpustakaan Sultan Badlishah (PSB), UiTM Cawangan Kedah telah menganjurkan Taklimat Pengenalan EKSA yang telah melibatkan semua kakitangan PSB. Ini merupakan usaha untuk menambahbaik Amalan Persekitaran Berkualiti agar PSB terus relevan dengan pemantapan kualiti perkhidmatan. Taklimat Pengenalan EKSA telah disampaikan oleh Encik Khairul Badri Ahmad. Beliau merupakan penceramah terlatih dan berpengalaman daripada Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara. Taklimat berkenaan telah berlangsung mulai 9 pagi sehingga 1 petang. Topik taklimat yang disampaikan meliputi Pengenalan Kepada EKSA sehingga kepada Persediaan Auditan. Taklimat Pengenalan EKSA pastinya dapat memberikan satu pandangan yang baharu kepada kakitangan PSB di dalam usaha untuk meningkatkan kefahaman dan pengetahuan mengenai persekitaran yang berkualiti.

# PROMOSI "BOOKS BEST SELLERS" AT PAB! DI PEPRUSTAKAAN AL-BUKHARI, UITM CAWANGAN PAHANG 28 JULAI 2020

*Disediakan oleh : Roshairi Che Razali*

PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI
Cawangan PAHANG




Pada 28 Julai 2020 (Rabu) Perpustakaan Al-Bukhari, UiTM Cawangan Pahang telah mempromosikan buku-buku yang menjadi pilihan dan pencarian ramai oleh pembaca di Perpustakaan Al-Bukhari, UiTM Cawangan Pahang. Promosi telah dijalankan dengan menggunakan medium media sosial seperti facebook, twitter, telegram, Instagram serta email kepada pengguna PAB terutama warga UiTM Cawangan Pahang.

Terdapat 10 buah koleksi buku "best seller" yang dikenalpasti dan boleh dipinjam oleh semua pengguna perpustakaan. "Best Sellers@PAB" UiTM Cawangan Pahang ini boleh dipinjam dengan mendapatkannya di PAB atau dengan menggunakan perkhidmatan "Book To Door Services" yang disediakan di PAB dengan mengisi maklumat pinjaman bahan di pautan tersebut : http://bit.ly/BooksToDoorServices

**MEMINJAM BUKU KINI LEBIH MUDAH DENGAN KLIK PADA**

**http://library.pahang.uitm.edu.my**

**@**

**BTDS TEAM**

**http://bit.ly/BooksToDoorServices**



**KAMI AKAN MENGAMBIL SENARAI BUKU YANG ANDA PILIH DAN MENGHANTARNYA KEPADA ANDA.**




10 BUAH KOLEKSI BUKU "BEST SELLER"

# BENGKEL PEMURNIAN BAHAN SILIBUS PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI, UITM CAWANGAN PAHANG 01 JULAI 2020

*Disediakan oleh : Roshairi Che Razali*

*PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI*
*Cawangan PAHANG*



Pada 01 Julai 2020 (Rabu) Perpustakaan Al-Bukhari (PAB), UiTM Cawangan Pahang telah mengadakan satu Bengkel Pemurnian Bahan Silibus bertempat di Bilik ICT 1, Perpustakaan Al-Bukhari (PAB). Bengkel ini telah melibatkan sebahagian staf perpustakaan yang mana bertujuan untuk mengemaskini senarai bahan silibus bagi tahun 2020 mengikut senarai terkini silibus yang dikeluarkan pihak UHEK Shah Alam.





Selain daripada itu, bengkel ini juga mengajar teknik-teknik pencarian bahan silibus terkini secara atas talian bagi tujuan penambahan terbitan bahan terkini sekaligus proses pembelian bahan silibus tersebut boleh dibuat bagi kegunaan pelajar.
Seramai 14 orang staf PAB yang terlibat dalam menjayakan projek ini dimana satu tempoh telah ditetapkan bagi semua staf menyiapkan senarai tersebut yang telah diberikan kepada mereka.

# PROSES PENCARIAN BUKU-BUKU “BEST SELLER” DI PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI, UITM CAWANGAN PAHANG 15 JULAI 2020

Pada 15 Julai 2020 (Rabu) yang lalu Unit Perkhidmatan Pelanggan (UPP), Perpustakaan Al-Bukhari (PAB),UiTM Cawangan Pahang dengan kerjasama semua staf perpustakaan telah menjalankan satu projek dimana proses pencarian buku-buku “Best Seller” yang terdapat dalam koleksi PAB di rak terbuka.

Proses pencarian ini bertujuan mencari buku-buku "Best Seller" serta buku yang popular di pasaran Malaysia yang mana terdapat juga dalam koleksi Perpustakaan Al-Bukhari UiTM Cawangan Pahang. Ini juga salah satu inisiatif yang diambil oleh Unit Perkhidmatan Pelanggan (UPP), dalam mempromosi koleksi buku di perpustakaan dan sekaligus meningkatkan jumlah pinjaman bahan serta perkhidmatan PAB.

Proses pencarian melibatkan seramai 11 orang staf dimana senarai buku “Best Seller” telah diberikan kepada setiap staf untuk memudahkan proses pencarian buku di rak.









# PAMERAN MAYA@PAB : "ROAD TO HAJI MABROOR" 29 JULAI 2020

*Disediakan oleh : Roshairi Che Razali*

PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI
Cawangan PAHANG




Pada 29 Julai 2020 (Rabu) Sempena 10 Zulhijah 1441H , Perpustakaan Al-Bukhari, UiTM Cawangan Pahang telah menyediakan satu pameran maya bertajuk: Road to Haji Mabroor buat semua warga UiTM.

Pameran ini disediakan secara maya yang bolek diakses menggunakan Kod QR dan pauntan https://bit.ly/ROADTOHAJIMABROOR yang disediakan. Terdapat 28 helai muka surat yang berkaitan dengan ibadah haji yang boleh di baca secara atas talian di web site Perpustakaan Al-Bukhari serta dipamerkan secara fizikal di perkarangan PABUiTM Cawangan Pahang.









# STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) PENJARAKKAN SOSIAL SIRI KE-2 DI PEPRUSTAKAAN AL-BUKHARI, UITM CAWANGAN PAHANG 17 JULAI 2020

*Disediakan oleh : Roshairi Che Razali*



*PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI*
*Cawangan PAHANG*






Pada 17 Julai 2020 (Jumaat) Siri 2 aktiviti menanda dan melakukan Standard Operating Procedure (SOP) penjarakkan sosial telah dilakukan di Perpustakaan Al-Bukhari, UiTM Cawangan Pahang. Aktiviti penandaan ini dilakukan dikeseluruhan ruang bacaan aras 1 dan 2 PAB yang melibatkan jarak tempat duduk di meja bacaan, ruang santai, meja komputer riba dan keseluruhan kawasan yang menjadi tumpuan pelajar di dalam perpustakaan.

SOP perlu dipatuhi bagi menyekat penularan COVID-19 dan dapat memberi keselesaan kepada semua pengguna Perpustakaan Al-Bukhari Uitm Pahang. Seramai 12 staf yang terlibat bersama-sama menyiapkan SOP penjarakkan ini.

# PERKHIDMATAN "BOOKS TO DOOR SERVICES@ PAB DI PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI, UITM CAWANGAN PAHANG 29 JULAI 2020

Pada 29 Julai 2020 (Khamis), Perpustakaan Al-Bukhari, UiTM Cawangan Pahang telah melancarkan perkhidmatan baru kepada semua pengguna PAB. Perkhidmatan yang disediakan ialah memberi perkhidmatan dari pintu PAB kepada pintu pengguna dengan mengambil dan menghantar buku yang ingin dipinjam oleh pengguna PAB.

Promosi telah dijalankan dengan menggunakan medium media sosial seperti facebook, twitter, telegram, instagram serta email kepada pengguna Perpustakaan Al-Bukhari , UiTM Cawangan Pahang.

Perkhidamatan ini merangkumi 10 buah koleksi buku "best seller" dan buku-buku yang terdapat di dalam Perpustakaan Al-Bukhari, UiTM Cawangan Pahang. Untuk menggunakan perkhidmatan "Book To Door Services" yang disediakan di PAB dengan mengisi maklumat pinjaman bahan di pautan tersebut : http://bit.ly/BooksToDoorServices atau di web site PAB.



# PROGRAM "KNOWLEDGE SHARING@PAB" SIRI KE – 2
# 15 JULAI 2020

*Disediakan oleh : Roshairi Che Razali*

*PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI*
*Cawangan PAHANG*







Pada 16 Julai 2020 (Khamis ), satu aktiviti "Knowledge Sharing@PAB" siri ke-2 telah diadakan yang mana melibatkan semua staf Perpustakaan Kampus Jengka & Kampus Raub yang diadakan secara atas talian. Moderator bagi aktiviti ini ialah Puan Nurfarawahidah binti Badruesham, Pustakawan Kanan, Perpustakaan Al-Bukhari,UiTM Cawangan Pahang Kampus Jengka.

Objektif program ini dilakukan adalah untuk memupuk keyakinan staf dalam berkomunikasi menggunakan bahasa Inggeris dan melatih staf untuk lebih fleksible berkongsi di medium norma baharu ini.

Siri 1 "Knowledge Sharing@PAB" telah berjaya dilakukan pada 9 Jun 2020 yang lalu ketika PKP dan Siri 2 ini mendapat respon yang lebih mengujakan daripada staf yang terlibat. Seramai 20 staf Perpustakaan Al-Bukhari dan 6 orang staf PTAR Raub yang telah terlibat dalam perkongsian ini. Moga dengan program begini dapat melatih staf untuk lebih yakin dan produktif dalam memberi perkhidmatan kepada pengguna perpustakaan

# PROSES PENILAIAN REKOD & FAIL BAGI PERMOHONAN PELUPUSAN BAHAGIAN HAL EHWAL AKADEMIK (HEA), UITM CAWANGAN PAHANG
# 15 JULAI 2020

Pada 15 Julai 2020 (Rabu) jam 8:40 pagi 2 orang staf Unit Arkib Universiti (Unit Rekod Universiti) Encik Razali bin Mat Sabu, Pembantu Pustakawan Kanan dan Puan Suhaina binti Ibrahim, Pembantu Pustakawan daripada Perpustakaan Al-Bukhari UiTM Cawangan Pahang, Kampus Jengka telah menjalankan satu Inspektorat penilaian Rekod Homogenous di Unit Penilaian Akademik Bahagian Hal Ehwal Akademik (HEA) bagi tujuan permohonan pelupusan Rekod Homogenous iaitu jenis rekod skrip jawapan, 'Master Copy' soalan & skema jawapan peperiksaan bagi tahun 2015-2016 yang berjumlah 60,000 helaian.

Staf Unit Penilaian Akademik Bahagian Hal Ehwal Akademik yang bertugas iaitu Encik Muhamad Fuazi bin Nasuruddin juga turut memberi kerjasama semasa proses penilaian dijalankan.









# KUNJUNGAN MESRA STAF PERPUSTAKAAN UITM CAWANGAN TERENGGANU KAMPUS KUALA TERENGGANU 21 JULAI 2020

*Disediakan oleh : Mohd Shahnizam Mat Zain*






Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu Kampus Bukit Besi telah menerima kunjungan mesra dari 3 orang staf Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu Kampus Kuala Terengganu iaitu En. Faizulkarnain Mamat, Pn. Mazliza Mohd@ Abdullah dan Pn. Salwa Munira Haron@Yong. Kunjungan ini merupakan kunjungan pertama mereka setelah beberapa perancangan sebelum ini tidak menjadi kenyataan. Walau pun di dalam satu negeri, komitmen kerja dan kekangan masa menghalang mereka ke Bukit Besi. Banyak isu dan masalah berjaya dikongsikan terutama melibatkan hal-hal pengurusan pelanggan dan sumber bercetak.

# LAWATAN KEBAJIKAN STAF: PN. WIDAWATI ARIFFIN 23 JULAI 2020



Lawatan kebajikan bagi menziarahi Pn. Widawati Ariffin, Pembantu Pustakawan Kanan di rumah keluarga beliau di Pulau Kerengga, Marang oleh En. Mohd Shahnizam Mat Zain, Pustakawan Kanan, Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu Kampus Bukit Besi bersama 2 orang Pembantu Pustakawan telah dibuat pada 23 Julai 2020. Beliau telah dimasukkan ke HUKL pada bulan Mei 2020 dan masih bercuti sakit di rumah keluarga beliau.  Sedikit sumbangan ikhlas dari warga UiTM Cawangan Terengganu Kampus Bukit Besi dan buah tangan telah disampaikan kepada keluarga beliau. Semoga Pn. Widawati Ariffin segera sembuh dan dipermudahkan segala urusan.

# eBULETIN CENDEKIAWAN INFOCUS VOL. 1/2020 (EDISI JAN-JUN 2020)




Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu Kampus Dungun telah kembali dengan penerbitan buletin Bahagian Perpustakaan pada tahun 2020 yang dijenamakan semula dengan nama Buletin Cendekiawan INFOcus. Penerbitan secara maya dua kali setahun ini diterbitkan bagi memudahkan capaian pengguna bagi mengetahui perkembangan semasa aktiviti dan kakitangan perpustakaan UiTM Cawangan Terengganu.

Akses penuh eBuletin Cendekiawan INFOcus Vol. 1/2020 Edisi Jan-Jun 2020 pada link shorturl.at/rxAOQ atau imbas kod QR yang tertera pada poster.

Sebarang cadangan dan komen adalah dialu-alukan, sila majukan kepada asmah636@uitm.edu.my.

# MAJLIS PENGHARGAAN PELAJAR PRAKTIKAL FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT 2 JULAI 2020, SELASA



Satu majlis penghargaan pelajar praktikal telah diadakan bagi meraikan Saudara Mohammad Nor Rafiq bin Rozimi, pelajar Fakulti Pengurusan Maklumat UiTM Cawangan Kelantan. Beliau telah menjalani latihan praktikal di Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu Kampus Dungun dari 2 Februari 2020 sehingga 30 Jun 2020 yang lalu.

Selamat maju jaya diucapkan daripada kami seluruh warga Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu.

# eINFODISCOVERY@LIBRARY VOL. 3/2020
## PERANAN, AKTIVITI & FUNGSI BAHAGIAN PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN UITMCT

*Disediakan oleh : Asmahani Abdullah*

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Terengganu




Penerbitan eInfoDiscovery@Library Vol. 3/2020 kali ini memaparkan topik Peranan, Fungsi dan Aktiviti Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu. Ianya bertujuan untuk memberi pendedahan kepada umum berkenaan penglibatan perpustakaan dalam menyokong kecemerlangan universiti.

Pengguna boleh mengakses penuh pameran maya ini dengan mengimbas kod QR pada poster atau akses terus pada link: http://qr.library.uitm.edu.my/IDL_cendekiawan

# COMPILATION QUOTES@LIBRARY ISSUE 2 (JUNE 2020)
## PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN UITM CAWANGAN TERENGGANU




Dapatkan inspirasi dan motivasi daripada kompilasi kata-kata hikmah yang diterbitkan pada platform sosial media Perpustakaan Cendekiawan Kampus UiTM Cawangan Terengganu Kampus Dungun dengan mengimbas kod QR pada poster atau akses terus pada link: http://qr.library.uitm.edu.my/quotesJune2020

# SEGMEN: BICARA PAKAR "A SYSTEMATIC LITERATURE REVIEW OF HALAL FOOD RESEARCH

Disediakan oleh : Muslim Ismail@Ahmad






*Segmen Bicara Pakar bertajuk "A Systematic Literature Review of Halal Food Research" telah bersiaran secara langsung dengan jayanya pada 16 Julai 2020. Program ini bertujuan untuk berkongsi pengetahuan tentang penulisan penyelidikan bagi tujuan penerbitan dalam jurnal berimpak serta untuk membudayakan aktiviti penyelidikan di kalangan warga kampus UiTMCK. Segmen ini mengenengahkan kepakaran Ketua Pusat Pengajian Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Dr Wan Marhaini Wan Omar. Siaran ini telah mendapat 600 views dan penyertaan seramai 162 peserta.*

Pameran ini bertujuan untuk berkongsi maklumat mengenai isu-isu semasa dan sebagai maklumat umum kepada warga UiTM, Tajuk Pameran Maya dan Pautan bagi Julai 2020:

- **SUKU KAUM DI SARAWAK**

*Perpustakaan UiTM Cawangan Sarawak sedang mengadakan Pameran Secara Maya berikutan penularan pandemik Covid-19 yang melanda negara. Pameran ini bertujuan untuk berkongsi maklumat mengenai isu-isu semasa dan sebagai maklumat umum kepada warga UiTM. Diharapkan Pameran Maya ini memberi manfaat dan ilmu pengetahuan yang baik kepada warga UiTM. Sarawak terkenal dengan Negeri yang berbilang kaum. Mesti ramai lagi yang masih tidak tahu antara suku kaum yang ada di Sarawak.*







- **TEROKAI TEMPAT-TEMPAT YANG MENARIK DI SARAWAK !**

*Perpustakaan UiTM Cawangan Sarawak sedang mengadakan Pameran Secara Maya berikutan penularan pandemik Covid-19 yang melanda negara. Pameran ini bertujuan untuk berkongsi maklumat mengenai isu-isu semasa dan sebagai maklumat umum kepada warga UiTM. Diharapkan Pameran Maya ini memberi manfaat dan ilmu pengetahuan yang baik kepada warga UiTM. Terokai tempat-tempat yang menarik di Sarawak !*

*Untuk melihat Pameran ini boleh layari :*
*https://online.fliphtml5.com/necmg/ogpk/#.XxADKi5zkA8.email*

- **SEMPENA SAMBUTAN HARI SARAWAK**

*Pada 22 Julai 2020, Perpustakaan UiTM Cawangan Sarawak telah mengadakan pameran maya bertajuk "SELAMAT MENYAMBUT HARI SARAWAK". Tarikh hari ini amat signifikan dan besar maknanya kepada rakyat Sarawak di mana pada 57 tahun yang lalu, Sarawak telah mencapai kemerdekaan daripada penjajahan Inggeris pada 22 Julai 1963. Pada hari yang bersejarah ini juga menyaksikan Gabenor Inggeris yang terakhir iaitu Sir Alexander Waddell secara simboliknya telah menyerahkan kuasa pentadbiran Sarawak kepada rakyat (self rule) melalui Tan Sri Stephen Kalong Ningkan sebagai Ketua Menteri Sarawak yang pertama.*
*Warga PTAR Cawangan Sarawak mengucapkan Selamat Menyambut Hari Sarawak kepada seluruh rakyat Sarawak.*
*Berikut disertakan Pameran Maya dan pautan sempena Hari Sarawak:*
*https://online.fliphtml5.com/necmg/xivd/#.XxUcqIvWpMQ.gmail*



Disediakan oleh : Hapsah Suut

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Sarawak




***Live@PTAR Sarawak: Jom Belajar Mengaji***

*Pada 17 Julai 2020, PTAR UiTM Cawangan Sarawak telah menganjurkan program Tips@Jom Mengaji Bacaan Surah Yassin secara langsung di Facebook Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Sarawak, diketuai oleh En. Ismawi Hj. Ibrahim (Pembantu Pustakawan Kanan). Untuk melihat semula program, boleh layari Youtube Rasmi UiTM: https://www.facebook.com/library.uitm.sarawak/live/*




***LIVE@ PTAR SARAWAK: Online Recommendation***

*Pada 8 Julai 2020 telah berlangsungnya Live FB PTAR Sarawak bersama En. Ismail Bin Bolia (Pembantu Pustakawan Kanan). Bagaimanapun, Live FB PTAR Sarawak ini dijalankan secara atas talian berikutan penularan pandemik Covid-19 yang melanda negara. Manakala, tajuk yang dipilih untuk kali ini ialah : Online Recommendation yang bersesuaian dengan situasi semasa. Objektif Program ini bertujuan untuk mempromosikan perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh perpustakaan kepada warga UiTM, dan mewujudkan kesedaran literasi maklumat kepada pengguna perpustakaan.Mendapatkan maklumat dan maklum balas daripada pengguna berkenaan keperluan maklumat mereka dan isu-isu lain yang berkaitan dengan perpustakaan bagi tujuan penambahbaikan perkhidmatan perpustakaaan kepada pengguna, meningkatkan kesedaran peserta yang terlibat terhadap perkhidmatan dan kemudahan yang ditawarkan oleh PTAR.*
*Untuk melihat semula program boleh layari:*
*https://www.facebook.com/library.uitm.sarawak/live/*




***LIVE@ PTAR SARAWAK: ENDNOTE X9***

*Pada 15 Julai 2020 telah berlangsungnya program secara langsung Live FB PTAR Sarawak: EndNote X9 bersama Puan Nazlia Farhana Binti Abd. Jaffar (Pembantu Pustakawan Kanan). Objektif program ini adalah untuk mempromosikan perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh perpustakaan kepada warga UiTM. Selain itu, program ini juga diadakan untuk mewujudkan kesedaran literasi maklumat dalam kalangan pengguna perpustakaan, mendapatkan maklumat dan maklum balas daripada pengguna berkenaan keperluan maklumat mereka, serta isu-isu lain yang berkaitan dengan perpustakaan bagi tujuan penambahbaikan perkhidmatan perpustakaaan. Peserta yang terlibat juga telah didedahkan dengan perkhidmatan dan kemudahan yang ditawarkan oleh PTAR.*
*Untuk melihat semula program boleh layari:*
*https://www.facebook.com/library.uitm.sarawak/live/*




***LIVE@ PTAR SARAWAK: ONLINE DATABASE - INTRO & BASIC SEARCHING***

*Pada 29 Julai 2020 telah berlangsungnya program secara langsung Live FB@PTAR Sarawak Bersama Cik Commelie Elmlie (Pembantu Pustakawan) bertajuk Online Database- Intro & Basic Searching.*
*Untuk melihat semula program boleh layari : Live FB PTAR Sarawak : https://www.facebook.com/library.uitm.sarawak/live/*

# TINJAUAN KE STOR HAL EHWAL AKADEMIK & ANTARABANGASA UITM CAWANGAN SARAWAK KAMPUS SAMARAHAN 20 JULAI 2020

*Disediakan oleh : Hapsah Suut*







Pada 20 Julai 2020 Isnin, beberapa orang daripada unit Arkib PTAR UiTM Cawangan Sarawak telah membuat satu tinjauan ke stor Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa UiTM Cawangan Sarawak Kampus Samarahan 2 susulan daripada perbincangan Unit Arkib PTAR dengan Hal Ehwal Akademik sebelum ini. Rombongan lawatan ini diketuai oleh Cik Dayang Azimah (Pustakawan).

Semua staf turut hadir bersama adalah Puan Norasikin Sabri, Puan Zuraida dan En. Yusuf Melian. Lawatan ini bertujuan untuk agar staf Unit Arkib PTAR dapat melihat sendiri Bahan yang hendak dilupus ke Unit Arkib mengikut SOP.